

## PEKELILING NAIB CANSOLOR

### Bilangan 12 Tahun 2020

### PEKELILING BANTUAN KEWANGAN BAGI KEMUDAHAN PEMBELIAN DATA INTERNET SECARA *ONE-OFF* UNTUK PELAJAR ASASI UiTM DALAM KALANGAN B40

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pelajar Asasi berkenaan bantuan kewangan bagi kemudahan pembelian data internet secara *one-off* untuk pelajar Asasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam kalangan B40.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Pada 25 Mac 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia.

Sehubungan itu, Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 01 Tahun 2020 berkenaan Pelaksanaan Penyampaian dan Penilaian Pembelajaran Berikutan Penularan Wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan telah dikeluarkan dan menyatakan bahawa proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) perlu dibuat dengan menggunakan kemudahan teknologi sepenuhnya.

Pihak Universiti mengambil maklum berkenaan kekangan kewangan pelajar-pelajar dalam kalangan B40 bagi meneruskan proses PdPc secara dalam talian ini. Justeru itu, Mesyuarat Khas MEU bertarikh 23 Mac 2020 telah bersetuju untuk menawarkan bantuan kewangan sebanyak RM30.00 secara *one-off* kepada pelajar Asasi yang layak

### 3.0 PELAKSANAAN

Proses pelaksanaan permohonan bantuan kewangan ini adalah seperti berikut:

#### 3.1 Syarat Umum Permohonan

Permohonan ini terbuka kepada semua pelajar Asasi UiTM yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1.1 sedang mengikuti pengajian dan berstatus aktif pada Sesi II 2019/2020; dan
- 3.1.2 pendapatan kasar bulanan keluarga RM4,000.00 dan ke bawah ketika memohon

#### 3.2 Kaedah Mengisi Borang Permohonan

- 3.2.1 Permohonan boleh dibuat melalui Portal eHEP di laman web <https://istudent.uitm.edu.my/> bermula dari **6 April 2020 hingga 30 April 2020**
- 3.2.2 Pelajar perlu memastikan nombor akaun bank telah dikemas kini (menerusi i-Student Portal) dan segala maklumat yang diberi adalah tepat untuk tujuan pemprosesan borang permohonan.

#### 3.3 Penafian

Pelajar hendaklah memberikan maklumat yang tepat dan benar semasa membuat permohonan bagi tujuan bantuan kewangan ini. Pelajar diingatkan bahawa bantuan kewangan ini adalah bagi kemudahan pembelian data internet bagi pelajar Asasi dalam kalangan B40 untuk kegunaan pembelajaran secara dalam talian bagi Sesi Akademik II 2019/2020.

Sekiranya didapati sebaliknya, pihak Universiti berhak untuk menarik balik bantuan kewangan yang telah diluluskan dan pelajar boleh dikenakan tindakan mengikut perundangan yang terpakai di UiTM.

### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 06 April 2020.

### 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 06 April 2020.

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada pelajar Asasi Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**
- 6.2 **Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama** Pekeliling Naib Canselor Bilangan 11 Tahun 2020: Pekeliling Bantuan Kewangan Bagi Kemudahan Pembelian Data Internet Bagi Semua Pelajar UiTM Dalam Kalangan B40



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*  
*Ahli Majlis Eksekutif Universiti*  
*Pengarah Pusat Asasi UiTM*  
*Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar*  
*Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej*  
*Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-HEP(PT. 6/2)*  
*No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 12*